



**MAKLUMAN KEPADA PELAJAR POLITEKNIK KUCHING SARAWAK YANG
SEDANG MENJALANI LATIHAN INDUSTRI BAGI SESI JUN 2020 DI KAWASAN
PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

Merujuk surat edaran daripada Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti bertarikh 15 Oktober 2020, pelaksanaan Latihan Industri (LI) bagi pelajar politeknik bagi sesi Jun 2020 susulan Penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) adalah seperti berikut:

- (i) Pelajar boleh menjalani latihan dari rumah atau bekerja dari rumah (BDR) dengan syarat kelulusan pihak industri dan tidak perlu menggantikan tempoh latihan;
- (ii) Pelajar yang berada dalam tempoh kuarantin secara wajib tidak perlu menggantikan tempoh latihan;
- (iii) Pelajar yang menjalani latihan di industri di dalam **kategori Perkhidmatan Penting (essential services)** boleh bekerja atau menjalani latihan seperti biasa dan pihak industri hendaklah mengemukakan surat kebenaran bekerja kepada pelajar terlibat bagi memudahkan urusan pergerakan; dan
- (iv) Pelajar diberi pelepasan tanpa tugas oleh pihak industri namun tempoh pelepasan tersebut perlu diganti.

Politeknik Kuching Sarawak amat prihatin terhadap pelajar politeknik yang terkesan dengan penularan jangkitan COVID-19 demi memastikan keselamatan dan kesejahteraan warganya terpelihara dalam mengharungi cabaran ini.

Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila berhubung dengan pihak **Unit Perhubungan dan Latihan Industri (UPLI)** di talian **082-845596**.

Pengarah
Politeknik Kuching Sarawak
20 Oktober 2020